



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

2 Januari 2020
18 Jamadilawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Bot roto curi benih kerang penduduk
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Empat nelayan ditemui selamat
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">••
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
The Borneo Post	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		9	21/1/2021

Bot roto curi benih kerang penduduk

UM 4/5 2 2 JAN 2021

SABAK BERNAM: Kegiatan mencuri benih kerang dengan menggunakan bot roto di sekitar pesisir Pantai Sungai Leman, Sekinchan di sini mengundang kebimbangan pengusaha dan penternak kerang.

Kehadiran lebih 70 bot roto itu bukan sahaja mengakibatkan kemusnahan sumber laut yang lain bahkan menjejaskan pendapatan golongan tersebut.

Seorang pengusaha kerang yang hanya mahu dikenali sebagai **Ramli**, 50, berkata, dia dan rakan-rakannya bimbang dengan kegiatan haram yang semakin berleluasa itu dan dipercayai dilakukan penduduk yang tinggal di luar dari Sekinchan.

"Berdasarkan intipan penduduk setempat, lebih 70 bot roto dikesan mengambil kerang secara haram di kawasan perairan itu pada satu-satu masa.

"Penduduk bimbang penggunaan bot roto ini boleh mengakibatkan kemusnahan habitat cengkerang dan sumber laut lain apabila enjin botnya melalui dasar tanah dan lumpur.

"Saya tidak menolak kemungkinan benih kerang yang dikutip ingin diseludup ke Thailand kerana mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Malah, benih kerang ini akan ditenak hingga mencapai saiz tertentu sebelum dijual ke negara tersebut," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Seorang lagi penternak kerang, **Rosman**, 43, berkata, benih kerang di perairan Sabak Bernam merupakan lokasi sesuai bagi pembiakan kerang kerana permukaannya yang berlumpur.

Katanya, benih kerang di kawasan ini juga berkualiti dan hidup secara semula jadi yang tentu mendapat permintaan yang tinggi.

"Disebabkan faktor ini mendorong kegiatan mencuri di kawasan berkenaan yang berleluasa sejak puluhan tahun lalu.

"Perbuatan individu tidak bertanggungjawab yang menjalankan kegiatan ini telah menjejaskan pendapatan pengutip kerang yang masih menggunakan kaedah tradisional," ujarnya.



BOT roto dikesan sedang giat melakukan aktiviti mencuri benih kerang di sekitar pesisir Pantai Sungai Leman, Sekinchan, Sabak Bernam, Selangor semalam. - UTUSAN/NOR AZIHAN MD. GHAZALI

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		
						20	21/1/2021	



BH M/S 20 21/1/2021

Mangsa bot karam tiba di Ibu Pejabat APMM di Tok Bali, semalam.

(Foto BERNAMA)

Empat nelayan ditemui selamat

Pencarian seorang lagi mangsa bot karam di Pulau Perhentian diteruskan

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
bnnews@bh.com.my

Jerih: Empat daripada lima nelayan yang dikematiri lemas selepas bot dinaiki mereka karam kelmarin, ditemui selamat di Pantai Coral View, Pulau Perhentian Besar, Besut, di sini, pagi semalam.

Mangsa yang terselamat, tekong bot, Tuan Azhar Tengku Long @ Mansor, 47, dan anaknya, Tuan Azrizal, 19, serta awak-awak, Norizan Yusof, 45,

dan Mohd Azri Mohd Rasdi, 28.

Bagaimanapun, seorang lagi awak-awak, Asaari Leh, 43, dilaporkan masih hilang.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Abdul Rozak Muhammad, berkata mangsa ditemui pada jam 8.45 pagi, lengkap memakai jaket keselamatan oleh penduduk kampung, sebelum dibawa ke Klinik Kesihatan Pulau Perhentian untuk rawatan lanjut.

“Semua mangsa dilaporkan stabil namun mereka tidak dapat bercakap buat sementara waktu,” katanya ketika dihubungi semalam.

Abdul Rozak berkata, operasi mencari dan menyelamat (SAR) Saari Saleh masih diteruskan dengan lokasi pencarian dilakukan sekitar lima batu nautika dari kawasan kejadian yang disertai dua pegawai kanan dan 25 anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

“Turut serta dalam operasi ini 11 anggota daripada Pasukan Polis Marin Wilayah Timur dan Balai Polis Pulau Perhentian,” katanya.

Abdul Rozak sebelum ini dilaporkan berkata, dalam kejadian kira-kira jam 1 tengah hari itu, sebuah bot nelayan milik warga tempatan dalam perjalanan ke lokasi untuk menangkap ikan.

Katanya, bot berkenaan yang dinaiki oleh seorang tekong dan empat awak-awak karam dipercayai akibat bocor dan cuaca buruk.

“Pengadu memaklumkan berdasarkan perbuaihan telefon dengan tekong bot lain. Mangsa sempat memanggil mereka untuk meminta bantuan kerana bot dimasuki air ketika berada berdekatan perairan Kelantan,” katanya.

Polis menerima laporan berhubung kejadian itu, pada jam 7.15 malam.